



03 Jan 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: 43 • Printed size: 99.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 3,413.00
Item ID: MY0034737607

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

O'Dell dilantik CEO LIAM

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melantik Mark O'Dell sebagai ketua pegawai eksekutifnya (CEO) yang pertama, berkuat kuasa semalam.

O'Dell yang juga penduduk tetap Malaysia, mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam perniagaan insurans hayat, baru-baru ini, bersara sebagai CEO Manulife Insurance Bhd pada 30 Okt, 2018, selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.

Transformasi industri insurans

Dalam kenyataan semalam, Presiden LIAM Anusha Thavarajah, berkata pelantikan O'Dell bertujuan untuk meningkatkan lagi komitmen persatuan itu dalam mengambil tanggungjawab dan cabaran baharu dalam mentransformasi industri insurans hayat ke tahap lebih tinggi.

“Dengan mempunyai CEO sepenuh masa yang membawa bersama-samanya pengalaman luas dan kepakaran dalam industri itu, LIAM akan berada di landasan lebih baik untuk memacu aspirasi negara bagi meningkatkan kadar penerokaan insurans hayat, mengurangkan jurang perlindungan dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

“Paling penting, LIAM akan dapat memainkan peranan berpengaruh untuk menyokong pembinaan negara dan menambah baik kualiti kehidupan rakyat Malaysia,” katanya.



03 Jan 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Bisnes • Page: 43 • Printed size: 99.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 3,413.00
Item ID: MY0034737607



[isentia.mediaportal](https://www.isentia.com.my)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melantik Mark O'Dell sebagai ketua pegawai eksekutifnya (CEO) yang pertama, berkuat kuasa semalam. O'Dell yang juga penduduk tetap Malaysia, mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam perniagaan insurans hayat, baru-baru ini, bersara sebagai CEO Manulife Insurance Bhd pada 30 Okt, 2018, selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.